



27 Julai 2017  
27 July 2017  
P.U. (B) 387

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

**SURUHANJAYA SIASATAN UNTUK MENYIASAT KERUGIAN  
AKIBAT URUS NIAGA MATA WANG ASING OLEH BANK  
NEGARA MALAYSIA SEKITAR TAHUN 1990-AN**

*COMMISSION TO ENQUIRE LOSSES DUE TO FOREIGN  
EXCHANGE DEALINGS BY BANK NEGARA MALAYSIA  
IN THE 1990S*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

SURUHANJAYA SIASATAN UNTUK MENYIASAT KERUGIAN AKIBAT URUS NIAGA MATA  
WANG ASING OLEH BANK NEGARA MALAYSIA SEKITAR TAHUN 1990-AN

TAULIAH

BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong mendapati suai manfaat dikeluarkan suatu Tauliah melantik Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan memberi kuasa kepada mereka untuk menyiasat kerugian akibat urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia sekitar tahun 1990-an:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh perenggan 2(1)(d) dan subseksyen 3(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [*Akta 119*], Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan Tauliah dan melantik –

1. YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan;
2. YA Datuk Wira Kamaludin bin Md. Said;
3. YBhg. Dato' Tajuddin bin Atan;
4. YBhg. Tan Sri Saw Choo Boon; dan
5. Encik Pushpanathan a/l S. A. Kanagarayar,

menjadi Pesuruhjaya-Pesuruhjaya untuk menjalankan siasatan ini dengan bidang tugas yang berikut:

- (a) untuk menentukan kesahihan dakwaan mengenai kerugian akibat urus niaga pertukaran mata wang asing yang dialami oleh Bank Negara Malaysia sekitar tahun 1990-an serta implikasinya kepada ekonomi negara;
- (b) untuk menentukan sama ada penglibatan Bank Negara Malaysia dalam aktiviti urus niaga mata wang asing yang menyebabkan kerugian tersebut

bertentangan dengan Akta Bank Negara Malaysia 1958 [*Akta 519*] atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan;

- (c) untuk menentukan sama ada terdapat elemen menyembunyikan fakta dan maklumat sebenar yang berhubungan dengan kerugian oleh Bank Negara Malaysia dalam aktiviti urus niaga mata wang asing itu dan memberi kenyataan yang mengelirukan Jemaah Menteri, Parlimen dan rakyat;
- (d) untuk mengesyorkan tindakan yang sesuai diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung jika mereka didapati menyebabkan kerugian oleh Bank Negara Malaysia dan menyembunyikan fakta dan maklumat sebenar berkenaan kerugian itu; dan
- (e) untuk mengesyorkan langkah-langkah bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang.

dan mengarahkan bahawa—

- (i) YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan hendaklah menjadi Pengerusi dan bahawa Pengerusi dan semua Pesuruhjaya hendaklah membentuk kuorum;
- (ii) siasatan itu hendaklah diadakan di mana-mana tempat, pada mana-mana tarikh dan pada bila-bila masa yang ditentukan oleh Pengerusi;
- (iii) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya hendaklah menjalankan kuasa mereka mengikut Akta Suruhanjaya Siasatan 1950; dan
- (iv) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya hendaklah menyiapkan siasatan itu dan mengemukakan suatu laporan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga bulan dari tarikh Tauliah ini dikeluarkan.

Bertarikh 18 Julai 2017  
[BKPP(R).700-3/5/8; PN(U2)282]

Dengan Titah Perintah

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK  
*Perdana Menteri*

COMMISSIONS OF ENQUIRY ACT 1950

COMMISSION TO ENQUIRE LOSSES DUE TO FOREIGN EXCHANGE DEALINGS BY  
BANK NEGARA MALAYSIA IN THE 1990S

COMMISSION

WHEREAS it appears to the Yang di-Pertuan Agong to be expedient to issue a Commission appointing Commissioners and authorizing them to enquire into the losses due to foreign exchange dealings incurred by Bank Negara Malaysia in the 1990s:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred upon him by paragraph 2(1)(d) and subsection 3(1) of the Commissions of Enquiry Act 1950 [Act 119], the Yang di-Pertuan Agong issues a Commission and appoints—

1. YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan;
2. YA Datuk Wira Kamaludin bin Md. Said;
3. YBhg. Dato' Tajuddin bin Atan;
4. YBhg. Tan Sri Saw Choo Boon; and
5. Encik Pushpanathan a/l S. A. Kanagarayar,

to be Commissioners to carry out the enquiry with the following terms of reference:

- (a) to determine the validity of the claim on the losses due to the foreign exchange dealings incurred by the Bank Negara Malaysia in the 1990s and its impact on the economy of the country;
- (b) to determine whether the involvement of Bank Negara Malaysia in the foreign exchange dealings which causes the losses contravenes the Central Bank of Malaysia Act 1958 [Act 519] or any other relevant laws;
- (c) to determine whether there were elements of concealment of actual facts and information relating to the losses by Bank Negara Malaysia due to the

foreign exchange dealings and giving misleading statement to the Cabinet, Parliament and public;

- (d) to recommend appropriate action to be taken against parties which involved directly or indirectly if they are found to have caused the losses by Bank Negara Malaysia and concealed the actual fact and information regarding the said losses; and
- (e) to recommend measures to ensure similar events will not be repeated,

and directs that –

- (i) YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hassan shall be the Chairman and that the Chairman and all Commissioners shall constitute a quorum;
- (ii) the enquiry shall be held in such places, on such dates and at such times as the Chairman may determine;
- (iii) the Commissioners shall exercise their powers in accordance with the Commissions of Enquiry Act 1950; and
- (iv) the Commissioners shall complete the enquiry and render a report to the Yang di-Pertuan Agong within three months from the date of the issuance of this Commission.

Dated 18 July 2017  
[BKPP(R).700-3/5/8; PN(PU2)282]

By Command

DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK  
*Prime Minister*